

# Permulaan bersejarah pulih integriti ahli politik

BH- 28/7/2022 mlk: 3

## Pindaan turut tingkat moral ahli Parlimen, elak dianggap penjual maruah

**Kuala Lumpur:** Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 yang mengkhususkan larangan ahli Parlimen bertukar parti, dianggap permulaan bersejarah bagi mengembalikan integriti ahli politik, sistem politik dan demokrasi negara secara menyeluruh.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata selain memberi kesan positif terhadap Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang, pindaan itu turut memberi pengertian terhadap moral serta integriti ahli Parlimen supaya tidak dianggap sebagai penjual maruah atau pengkhianat mandat rakyat.

Bangkit sebagai pembahas pertama dengan peruntukan 25 minit oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan, Anwar menyatakan sokongan terhadap RUU itu walaupun tidak memenuhi sepenuhnya tuntutan dikemukakan Pakatan Harapan (PH).

“Perkara pembelotan ini bukan baharu. Ahli Parlimen daripada PAS sudah tahu, sejak 1961 (apabila) kerajaan PAS Terengganu dijatuhkan, namun tidak menjadi pengajaran kerana parti itu kemudian bersekongkol dan mengizinkan ia berlaku.

“Ini bukan soal belot, khianat dan lompat parti sahaja, soal yang harus diketahui oleh Perdana Menteri dan diperhatikan oleh badan seperti SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) kerana ia membabitkan rasuah, penipuan dan sogokan dan pindaan ini tidak menyelesaikannya.

“Kita mahu guna pindaan ini untuk tanya SPRM kenapa sogokan ini tidak disiasat,” katanya ketika membahaskan RUU berkenaan di Dewan Rakyat, semalam.

### Beri pengajaran berguna

Menyentuh Langkah Sheraton yang menyaksikan kerajaan PH tumbang, Anwar berkata, banyak laporan dibuat berhubung tindakan itu, namun tidak ada siasatan atau kenyataan susulan dibuat oleh SPRM sehingga kini.

Jika laporan yang serius terbabit tidak dipertimbangkan, tegasnya, kelemahan dicitus bukan sahaja ada dari segi amalan lompat parti, malah wujud kepincangan dalam pengurusan dan kewibawaan badan penguatkuasaan termasuk

SPRM.

“Kita mahu satu pengajaran kerana ada kesan dan anggapan dalam kalangan anak muda, terhakisnya keyakinan terhadap orang politik dan sistem politik kerana ada yang menganggap pilihlah sesiapa pun, dia boleh dibeli.

“Justeru, orang muda yang menyertai politik dan dilatih untuk memahami Perlembagaan serta prinsip demokrasi, terhakis keyakinannya disebabkan amalan yang berlaku,” katanya.

### Bukan pengkhianatan

Menjawab celahan Datuk Seri Azidah Mohd Dun (BERSATU-Beaufort) sama ada benar selepas Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 Anwar mendakwa bakal menubuhkan kerajaan baharu sehingga beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) terpaksa ‘dilarikan’ ke Taiwan, ahli Parlimen Port Dickson itu menjelaskan, ia bukan pengkhianatan sebaliknya beberapa ahli Parlimen menghubunginya untuk menyokong usul undi tidak percaya kepada Perdana Menteri ketika itu.

“Yang Berhormat Beaufort ini rabun dari segi kefahaman politik. Kalau ikutkan kenyataannya pada masa itu, beberapa ahli Parlimen menghubungi untuk menyokong usul undi tidak percaya, jadi tidak ada kena mengena dengan lompat parti. Beaufort, biar faham si-

kit.

“Perdana Menteri masa itu enggan mengizinkan sidang Parlimen diadakan undi tidak percaya dan Speaker seperti biasa patuh kepada Perdana Menteri.

“Ada pesawat khas bawa ahli Parlimen belajar pertanian di Taiwan, jadi biar kita tahu faktanya. Tidak ada sogokan wang ringgit dan tidak ada jaminan kedudukan kepada mereka kerana ini 40 orang nak jadi 40 menteri?”

“Saya nak tegaskan termasuk yang terakhir, akuan bersumpah yang ditandatangani dan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong. Bukan lompat parti, mereka kekal dengan parti mereka. Saya tidak usulkan mereka lompat parti, ada ramai di sini, jangan tanya (siapa),” katanya.

Menjawab celahan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Dr Santhara Kumar, berhubung Langkah Sheraton tercetus berikutan krisis dengan Tun Dr Mahathir Mohamad (PEJUANG-Langkawi), Anwar berkata, bekas Perdana Menteri itu masih menyokongnya untuk menjadi Perdana Menteri.

“Kalau dibangkitkan soal Yang Berhormat Langkawi, saya setuju memang Langkawi melengah-lengahkan letak jawatan tetapi apabila diusulkan nama saya, Langkawi tandatangan menyokong,” katanya.